

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 18 DISEMBER 2000 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN B AGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pencapaian UPSR yang mendapat 5A bagi Tahun 2000 dan seramai manakah pelajar berkenaan dapat ditempatkan di Sekolah Asrama Penuh Kerajaan serta apakah tindakan Kerajaan bagi baki pelajar yang tidak dapat ditempatkan di Sekolah Asrama Penuh berkenaan. (PM #10669 v1)
2. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian berhubung kes 164 orang juvana yang direman di penjara seluruh negara. (PM #10706 v1)
3. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai projek penswastaaan yang perlu diambilalih semula oleh Kerajaan kerana tidak berjaya dilaksanakan oleh syarikat. (PM #10460 v1)
4. **Datuk Christine Tibok-Vanhouten** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah projek pembinaan Sekolah Rendah Kerajaan Malawa, Telipok dapat dimulakan. (PM #10593 v1)
5. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang Mahkamah Keluarga Sepadu Sivil dan Syariah yang dirancangkan dan nyatakan bila ianya akan dilaksanakan. (PM #10567 v1)
6. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai sebenar pelaburan terus (FDI) dari negara luar masuk ke Malaysia bagi tahun 1997-1998 dan 1999. Sila beri butiran lanjut berkenaan negara-negara yang melabur dan jumlah pelaburan dalam Ringgit Malaysia. (PM #10615 v1)
7. **Datuk William Lau Kung Hui** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian telah memperkenalkan sebarang sistem akreditasi (seperti akreditasi Green Stamp) terhadap bengkel-bengkel automatif untuk mengesahkan bahawa tindakan-tindakan mesra alam dijalankan, supaya bengkel-bengkel yang menunjukkan akreditasi sebegini boleh mudah dikenalpasti dan boleh menarik sokongan pengguna. (PM #10779 v1)

8. **Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dan akan diambil bagi memastikan kes-kes penculikan kanak-kanak yang melibatkan pembantu rumah warga asing tidak akan berulang lagi.
(PM #10159 v1)
9. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
 - (a) jumlah pinjaman terkini yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad; dan
 - (b) pinjaman yang dikeluarkan mengikut sektor.
(PM #10805 v1)
10. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kenapakah peniaga-peniaga terus bersikap mengambil kesempatan menaikkan harga barang dalam musim perayaan dan Kementerian terpaksa mengulangi tindakan yang sama setiap musim perayaan untuk mengawal kepentingan pengguna sedangkan di negara-negara maju lainnya terutama Amerika Syarikat barangan pengguna menjadi lebih murah di musim perayaan terutama menjelang Krismas.
(PM #10312 v1)
11. **Tuan N. Marimuthu** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan terhadap resolusi sekumpulan ahli Kongres mengenai kes Anwar Ibrahim di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (House of Representative) baru-baru ini. Apakah tindakan dan reaksi Kerajaan Malaysia terhadap resolusi itu.
(PM #10539 v1)
12. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai pelaksanaan penubuhan pasukan dan unit rawatan paliatif di hospital-hospital. Berapakah jumlah pesakit kronik mengikut jenis penyakit yang sedang mendapat rawatan sekarang.
(PM #10274 v1)
13. **Dato' Lee Pit Chern** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini telah dapat dikawal sepenuhnya dan apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil bagi mengawal kemasukan tersebut.
(PM #10433 v1)
14. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan tahap keseriusan kes-kes penganiayaan seks wanita dan kanak-kanak seperti yang dilaporkan sejak tahun 1990 hingga sekarang mengikut pecahan kaum dan berapakah jumlah kes yang masih tertanggung. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian berhubung kes-kes jenayah sosial ini.
(PM #10343 v1)

15. **Puan Hajah Safinah binti Jusoh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengagihan jumlah peruntukan ke atas program-program di bawah HAWA dan apakah program-program yang telah diadakan oleh HAWA sejak tahun 1990 hingga sekarang serta sejauhmanakah pencapaiannya jika dinilai daripada sudut objektif penubuhan HAWA. (PM #10325 v1)
16. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedar kehadiran pendatang tanpa izin terutama sekali di negeri Sabah menimbulkan banyak masalah termasuklah masalah sosial dan apakah Kerajaan berpuashati dengan langkah-langkah dan tindakan yang sedia ada dalam menangani masalah pendatang tanpa izin ini. (PM #10395 v1)
17. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi membanteras kemasukan penjenayah asing ke kawasan-kawasan perairan di pulau-pulau negara kita. (PM #10416 v1)
18. **Dato' Poo Yew Choy** minta **MENTERI PERUSAHAAN UTAMA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi membendung kemerosotan harga getah, kelapa sawit dan durian. (PM #10471 v1)
19. **Dato' Long bin Jidin** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli yang tercicir di peringkat IPTA dan IPTS. Apakah punca-punca keciciran tersebut. (PM #10208 v1)
20. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
 - (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meluluskan permohonan meningkatkan tambang penerbangan dalam negeri dan apakah kesannya terhadap pelancongan di negara kita; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi penggalakan pelancongan dalam negara khususnya di antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur. (PM #10342 v1)
21. **Tuan Haji Abdillah binti Haji Abdul Rahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah Kementerian menyelaras dan memantau kemajuan usahawan-usahawan Bumiputera yang menerima bantuan Kerajaan seperti dalam projek TEKUN dan jika ada, apakah langkah-langkah diambil untuk melanjutkan bantuan kepada mereka yang berjaya atau yang gagal. (PM #10415 v1)

22. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pendatang haram yang terkini dari aspek jumlah dan tindakan yang diambil untuk menghantar mereka pulang ke negara asal dan nyatakan tindakan-tindakan keselamatan yang diambil untuk menjamin keselamatan awam. (PM #10566 v1)
23. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca persatuan Cina di negara ini membantah penubuhan Sekolah Wawasan. Adakah penjelasan yang benar-benar terperinci telah dibuat dan apakah sikap terkini Persatuan Cina terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan. (PM #10616 v1)
24. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sekolah atau pusat latihan khas bagi belia-belia negara kita supaya mereka boleh menjadi jaguh sukan negara. (PM #10641 v1)
25. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan punca berlakunya perselisihan faham antara kaum yang mula ketara apabila wujudnya "17 tuntutan Bangsa Cina" serta keengganan Persatuan Pendidikan Cina Diong Jiao Zhong (DJZ) mewujudkan Sekolah Wawasan. Seterusnya apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengukuhkan perpaduan di antara kaum-kaum di Malaysia. (PM #10653 v1)
26. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusof** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan:-
- (a) apakah status terkini industri perikanan tempatan berbanding keadaannya lima tahun yang lepas; dan
 - (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para nelayan tempatan serta pengusaha industri perikanan tempatan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
- (PM #10373 v1)
27. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan sejauhmanakah pemantauan dibuat bagi mengawal penyalahgunaan dadah Beta Agonist dalam perusahaan penternakan. Apakah kesan-kesan sampingan berlaku kepada mereka yang termakan daging ternakan yang mengandungi dadah tersebut. (PM #10275 v1)

28. **Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-
- (a) apakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan beberapa bahasa lain, selain daripada Bahasa Melayu untuk dijadikan mata pelajaran Bahasa Teras seperti Bahasa Mandrin dan Bahasa Tamil; dan
 - (b) apakah Kerajaan membuat kajian mengenai rakyat Malaysia yang tidak dapat menguasai Bahasa Melayu berbanding penguasaan mereka dalam berbahasa Inggeris atau lain-lain bahasa ibunda masing-masing.
- (PM #10684 v1)
29. **Tuan Khoo Lay Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca fenomena yang dikatakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa semakin ramai pasangan tua bercerai baru-baru ini.
- (PM #10726 v1)
30. **Dato' Ting Check Sii** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kementerian beliau tentang penubuhan Kadet Polis di sekolah. Berapa buah sekolah di Sarawak telah menubuhkan Kadet Polis dan bilakah semua sekolah akan menubuhkannya.
- (PM #10758 v1)
31. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta **MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian berhubung beberapa kejadian membabitkan peneroka Felda bertindak memajakkan ladang mereka berikutan kejatuhan harga sawit ke paras terendah sejak awal tahun ini.
- (PM #10704 v1)
32. **Datuk William Lau Kung Hui** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang memperkenalkan cara-cara yang lebih mesra alam bagi pembuangan bahan-bahan toksik serta barang-barang buangan bengkel, kerana dalam banyak bengkel automatif, bahan-bahan kimia yang toksik masih digunakan dengan banyaknya.
- (PM #10777 v1)
33. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama Kumpulan-kumpulan ajaran sesat di seluruh Malaysia dan tempat di mana kumpulan itu beroperasi. Berapa banyakkah kumpulan-kumpulan ini yang telah diharamkan dan tindakan-tindakan lain yang telah diambil terhadap kumpulan-kumpulan berkenaan.
- (PM #10793 v1)
34. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tuntutan oleh Persatuan Suqui baru-baru ini yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak diinginkan umpamanya masalah perkauman. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan isu-isu sebegini tidak akan dibangkitkan lagi kerana ianya boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian di negara kita.
- (PM #10818 v1)

35. **Dato' Dr. Chin Fook We ng** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kajian telah dibuat untuk memastikan kaedah pelupusan sampah yang membawa masalah yang paling minimum kepada pencemaran alam sekitar dan sesuai dilaksanakan di negara kita. (PM #10447 v1)
36. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peratuskah jumlah kereta PROTON yang dieksport berbanding dengan peratus yang dijual di Malaysia. Mengapakah kereta PROTON tidak dipasarkan di Thailand. (PM #10461 v1)
37. **Tuan N. Marimuthu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran SJK Tamil akan diteruskan di masa hadapan memandangkan kekurangan guru di SJK Tamil. Jika ya, nyatakan unjuran pengambilan guru-guru Tamil bagi KDC dan Maktab sehingga tahun 2000. (PM #10540 v1)
38. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara jelas terhadap pemantauan yang dilakukan ke atas peratusan peluang-peluang pekerjaan yang wujud, memandangkan berlakunya peningkatan terhadap pengeluaran graduan pada masa kini. (PM #10655 v1)
39. **Tuan Khoo Lay Hin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil kajian untuk menyelaraskan undang-undang buruh dengan keekonomi yang beliau umumkan tidak lama dulu. (PM #10727 v1)
40. **Dato' Ting Check Sii** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) perkembangan terkini mengenai permohonan pihak MAS untuk meningkatkan tambang domestik; dan
 - (b) bilakah landasan lapangan terbang Sibu akan diperluaskan sebagai salah satu usaha demi mempromosikan industri pelancongan di zon tengah Sarawak dan membantu Sibu mencapai status bandaraya menjelang tahun 2005. (PM #10760 v1)

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 42/2000) | Rang Undang-undang Perbekalan 2001- Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (18 Disember, 2000) | |
| 2. | (D.R. 35/2000) | Rang Undang-undang Pekerja-Pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 27/2000) | Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 | ” |
| 4. | (D.R. 32/2000) | Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 | ” |
| 5. | (D.R. 34/2000) | Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 | ” |
| 6. | (D.R. 44/2000) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 | ” |
| 7. | (D.R. 41/2000) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000 | ” |
| 8. | (D.R. 47/2000) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 | ” |
| 9. | (D.R. 36/2000) | Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000 | ” |
| 10. | (D.R. 45/2000) | Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2000 | ” |
| 11. | (D.R. 40/2000) | Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2000 | ” |
| 12. | (D.R. 46/2000) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga 2000 | ” |
| 13. | (D.R. 37/2000) | Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 | ” |
| 14. | (D.R. 43/2000) | Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 | ” |

15. **Dato' Abdul Aziz bin Rahman** akan mencadangkan:-
Bahawa Dewan Negara menginsafi Malaysia, adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, menganuti proses perundangan yang telus dan bebas serta diterajui oleh sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat jelata menerusi proses pilihanraya yang diadakan setiap lima tahun sekali, membuat ketetapan dan bersetuju;

Membantah sekeras-kerasnya campurtangan sekumpulan tujuh (7) orang ahli kongres Amerika Syarikat – Chris Smith (New Jersey), Ileana Ros-Lehtinen (Florida), Robert Wexler (Florida), Tom Lantos (California), Dana Rohrabacher (California), Ed Royce (California) dan Niel Abercrombie (Hawaii) yang menfaikan satu resolusi pada 21 Oktober 2000 di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat untuk mendesak supaya Kerajaan Malaysia menggugurkan semua tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim atau mengadakan perbicaraan baru.

Mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan beberapa orang kononnya warga negara Malaysia yang menggunakan jururunding James Meritt Strategies (JMS) bagi mencapai cita-cita memburuk-burukkan negara sendiri, mensabotaj ekonomi negara dan menyerahkan kedaulatan dan proses kehakiman negara kepada Dewan Perwakilan Amerika Syarikat

Menggesa pihak Kerajaan menyiasat dengan mendalam punca kewangan dan cara-cara bertindak (modus operandi) petualang dan pengkhianat negara ini dan mengambil tindakan undang-undang yang setimpal jika bersabit kesalahan dan seterusnya menggesa pihak Kerajaan menggubal strategi tindak balas supaya kegiatan mensabotaj negara dapat dibanteras.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2000</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 174	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 180	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Klang bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 181	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 182	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 183	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 184	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 185	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) bagi tahun 1999	18 Disember, 2000

ST. 186	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 236	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Sumber Manusia bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 237	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 238	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 240	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia bagi tahun 1997	18 Disember, 2000
ST. 241	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia bagi tahun 1998	18 Disember, 2000
ST. 242	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Akreditasi Negara bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 243	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Negara bagi tahun 1999	18 Disember, 2000
ST. 244	Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia bagi tahun 1996	18 Disember, 2000
ST. 245	Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia bagi tahun 1997	18 Disember, 2000
ST. 246	Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia bagi tahun 1998	18 Disember, 2000